

UCAPAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ATAS MENYOKONG USUL MENTERI KEWANGAN MENGENAI ANGGARAN BELANJAWAN KEMAJUAN 1963, DI DEWAN RAKYAT PADA 29HB NOVEMBER, 1962

Tuan Yang Dipertua,

Sambil menyokong usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya suka menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Anggaran Belanjawan Kemajuan tahun 1963 yang dihadapan kita pada hari ini, hendaklah disemak bersama-sama dengan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua kerana rancangan anggaran perbelanjaan kemajuan bagi tahun 1963 ini ialah satu bahagian daripada Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua kita.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa saya membentangkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua di hadapan Dewan ini, saya telah terangkan bahawa rancangan kita ini ialah suatu rancangan yang tegas dan berani; dalam bahasa Inggerisnya "ambitious" bagi negara kita yang muda ini. Akan tetapi pada hari ini seperti kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi saya sukacita menegaskan bahawa Rancangan Kemajuan ini telah dilaksanakan dengan sangat memuaskan hati. Di dalam tahun 1961, kita telah membelanjakan wang iaitu Kerajaan Persekutuan selain daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan yang lain sebanyak \$264 million ringgit, akan tetapi di dalam tahun 1962 kita akan membelanjakan lebih kurang sebanyak \$420 million ringgit. Ini bermaknalah kejayaan kita bertambah lebih kurang 60 peratus daripada tahun 1961.

Di dalam pekerjaan melancarkan rancangan kemajuan kita ini, kita telah menggunakan kekuatan dan tenaga yang sepenuhnya, oleh itu bukanlah sahaja kita berjaya melaksanakan rancangan-rancangan yang telah disediakan, tetapi kita berjaya melaksanakan rancangan-rancangan lebih daripada yang kita anggapkan atau fikirkan. Dalam tahun 1962 ini perbelanjaan kita ialah lebih daripada yang kita fikirkan.

Baharu-baharu ini pakar-pakar di dunia yang ada mempunyai pengalaman berkenaan dengan Rancangan Kemajuan Iktisad di dalam tidak kurang daripada 70 buah negeri-negeri dalam dunia ini telah datang melawat ke Tanah Melayu dan telah berkata bahawa hendak menyediakan satu pelan atau rancangan kemajuan itu adalah perkara yang senang. Akan tetapi hendak menjayakan tiap-tiap satu rancangan itu satu perkara yang susah yang berkehendakkan usaha dan tenaga dan berkehendakkan penyelidikan daripada sehari ke sehari dan daripada satu masa ke satu masa.

Kita di Tanah Melayu telah berjaya melaksanakan rancangan kemajuan kita, kita telah berjaya menukarkan rancangan-rancangan yang ada di atas kertas itu menjadikan rancangan-rancangan berjaya di seluruh kampung di Tanah Melayu ini. Jadi, pakar-pakar itu telah berkata bahawa jika kita bandingkan dengan setengah-setengah negeri yang lain, kita Tanah Melayu telah berjaya menyediakan atap dinding dan mengisi rangka rancangan kemajuan yang kita telah sedia. Kata dalam Bahasa Inggeris, kita telah berjaya—"We have been able to put meat and muscle to the frame of verbose skeleton of our basic plan." Oleh itu, Tuan Yang dipertua, kita patutlah berasa bangga di atas kejayaan yang kita capai dalam Rancangan Kemajuan kita pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dengan hal kemajuan luar bandar, saya suka menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kejayaan kita itu ialah disebabkan rancangan kita itu diperbuat dengan teratur dan sempurna dan lagi dalam masa melaksanakan rancangan kemajuan itu kita sentiasa bekerja dengan keras dan dengan tekunnya daripada sehari dan jentera pentadbiran kita adalah diatur dengan baik dan berjalan dengan licinnya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya bolehlah memberi satu contoh iaitu dalam rancangan membina jalanraya di luar bandar. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa di dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun kita yang kedua adalah diuntukkan sebanyak 90 juta ringgit untuk membina jalanraya di luar bandar dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua. Akan tetapi, apa yang telah tercapai, kita telah berjaya melaksanakan rancangan ini dan

pada hujung tahun 1962 ini rancangan yang **memakan belanja** sebanyak 90 juta ringgit untuk **membina jalanraya di luar bandar** akan siap. Saya suka memberitahu Dewan ini **bahawa perbelanjaan** sebanyak itu **adalah** untuk membina **jalan-jalanraya** yang telah memberi **faedah kepada** penduduk-penduduk di luar bandar untuk **membuka beberapa** banyak rancangan tanah yang **baharu** dan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada **mereka** itu berjalan ke suatu tempat. Satu contoh lagi yang boleh **menunjukkan** bahawa kemajuan yang telah **dicapai**, **sangatlah** memuaskan hati iaitu kita telah berjaya mengadakan 49 rancangan kemajuan tanah yang luasnya tidak kurang 4,000 ekar pada satu rancangan dan rancangan ini telah **dilaksanakan oleh Lembaga** Kemajuan Tanah Federal **sehingga** hari ini luas tanah yang telah dapat dijayakan ialah lebih kurang 85,000 ekar—76,000 getah, 8,000 ekar kelapa sawit dan 2,000 ekar **dusun**. 4,253 **kelamin** telah **diberi** tanah untuk tempat **kediaman** baharu dan **diharapkan** tidak berapa lama lagi 3,000 **kelamin** dapat diberi tempat kediaman di dalam rancangan-rancangan kemajuan ini. **Oleh yang demikian** lebih kurang 7,000 **kelamin** akan dapat diberi tempat kediaman yang baharu pada hujung tahun 1963.

Seperti yang telah saya **nyatakan** ini **bukanlah bermakna** rancangan-rancangan tanah itu untuk penduduk-penduduk bahkan **disediakan** kemudahan-kemudahan **seperti jalan-jalan raya**, bekalan air, **sekolah-sekolah**, tempat **perubatan** dan diberi tanah dan **sebagainya cukup** untuk mereka itu mendapat **sara hidup** yang berpatutan bagi mereka itu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya boleh **menerangkan** satu **persatu** rancangan-rancangan yang ada di dalam **anggaran** perbelanjaan ini dan boleh **menunjukkan** **bagaimana kejayaan-kejayaan** yang kita telah dapat **capai** dalam semua perkara itu. Akan **tetapi** ini **mestilah** **mengambil** masa yang lanjut, **memadailah** saya **berkata** bahawa **sungguhpun** kita belum sampai **pertengahan** masa Lima Tahun Yang Kedua kita telah mendapat **kejayaan** **sungguh** memberi puas hati. Saya **sebutkan** tadi bahawa inilah **sebab-sebabnya** yang **membolehkan** kita **melaksanakan** rancangan-rancangan yang memberi puas hati ialah disebabkan jentera **pentadbiran** berjalan dengan licin.

Di sini saya suka mengambil **peluang** ini **mengucapkan tahniah** yang **setinggi-tingginya** dan pujian yang **setingginya** kepada

beratus-ratus pegawai-pegawai Kerajaan daripada semua peringkat baik pegawai teknikal, pegawai pentadbiran dan juga pegawai-pegawai rendah yang telah bersedia menyambut seruan Kerajaan bagi memberikan tenaga mereka itu yang banyak untuk menjayakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua bagi faedah bangsa dan negara kita. Begitu juga saya suka memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil bahagian yang sangat memuaskan hati di dalam pembinaan negara ini. Saya harap dengan kejayaan pelaksanaan Rancangan Pembangunan negara ini penduduk-penduduk di negeri ini iaitu rakyat di kampung-kampung akan mengambil bahagian mereka dengan sepenuh-penuhnya di dalam Rancangan Pembangunan ini. Di dalam tingkatan yang kedua Rancangan Pembangunan Luar Bandar usaha-usaha sedang dijalankan di peringkat jajahan bagi memberi didikan, anjuran dan pertolongan kepada penduduk-penduduk luar bandar melalui Jawatankuasa Pembangunan Kampung supaya mereka itu dapat menjalankan usaha-usaha kemajuan dengan lebih giat dan lebih sempurna lagi. Kita berkehendakkan rakyat di kampung-kampung menjalankan usaha-usaha di semua lapangan kemajuan dengan semangat dan keazaman yang baharu supaya keadaan hidup mereka itu dapat diperbaiki. Hanyalah dengan usaha dan tenaga daripada rakyat sendiri bersama-sama dengan usaha dan tenaga daripada pihak Kerajaan baharulah dapat rancangan kemajuan kita memberi faedah yang dikehendaki dan dapatlah penduduk-penduduk di luar bandar menerima kemakmuran dan kesenangan yang kita cita-citakan itu.

Mr Speaker, Sir,

I have spoken at some length in Malay on the progress that has been achieved in implementing our Second Five-Year Plan. Although we have not reached half-time in the Five-Year Development Plan, our score is high and, as I have indicated, in 1962 we will be spending more than we have anticipated. This means that we are in fact ahead of schedule in introducing the many hundreds of economic projects included in our national plan. This, therefore, is ample proof that we are not lacking in determination or in boldness in implementing our development plan with speed and efficiency, and I think we can well be proud of the progress we have so far achieved. This progress so far achieved reflects not only the increasing tempo of development of activities in the country but also considerable success achieved by Government Departments in building up the level of administrative and

technical capacity required for the successful implementation of the public sector programme of our Five Year Plan.

As I have said just now, I should like to take this opportunity to pay the highest tribute to many hundreds of Government servants throughout the whole country, technical administrative and executive wherever they may be, for the great part they have played and will continue to play in helping us to build a stable and prosperous nation in the implementation of our national Development Plan.

Now, as the composition of the Development Estimates will indicate, despite substantial increase in technical capacity of the public sector and the resultant tendency to initiate a larger number of projects than can be supported within the limit of our financial resources either in the present or the future, I would like to assure the house that it will continue to be the policy of the Government to place priority on those projects which will contribute to the economic and social well-being of the country, particularly those in the rural areas. Within the present and future limits of the financial position, the Second Five-Year Plan will continue to be implemented with the strictest regard to the requirements that will provide maximum positive impact on the stable economic and stable social development of the country.

Now, Sir, when I talk of stability, it reminds me to make reference to the private sector of our Second Five-Year Plan. It has been said many times, and quite rightly too, that perhaps the final success of our Second Five-Year Plan depends on what happens in the private sector. I should like to see that the representatives of the private sector apply the same principle which the Government applies in the implementation of our Plan. In the private sector, I should like to see similar action being taken by all the representatives of commerce and industry, getting down together and forgetting for the time being their individual interests, so that they may examine impersonally, and yet forcefully, the problem which faces us and combine together to produce suggestions and solutions which will give more impetus and more force to the private sector of our economy. Sir, it has been said by many great thinkers in the past that the best form of government is the least form of government. In other words, it should not be necessary for the Government in every case to put forward plans and suggestions and this particularly applies to the private

sector. Let me here and now appeal to the various Chambers of Commerce, to the various captains of industries and the leaders of commerce and finance in our country, to set up their own machinery which will harness the best brains and the best thinkers in the private sector and crystallise their efforts **into** a definite boosting charge of the private sector of our economic plan. This Sir, is extremely urgent, for if the private sector does not increase its present rate of expansion it is estimated that there will be a shortfall in the target of \$2,090 million of something in the region of \$400 to \$900 million. We in this country, the Alliance Government, have succeeded in creating an atmosphere of stability and reliability. Political stability **is** the real foundation of economic stability. Therefore, within the context of this political and economic stability I look forward to the private sector of our economy **to move** forward with the same vigour and tempo as our public sector. If the **tempo** of the private sector can be so increased, then we have no doubt that our Second **Five-Year** Development Plan, though bold and ambitious, will be implemented with great success, bringing with it the benefit of prosperity desired by our people.